



PEMBANGUNAN: Sungai Kesang yang tidak mampu menampung air juga akan dibaik pulih dengan memasang batu sangkar bagi mengelakkan banjir daripada berulang.

RM45 juta ubah nasib nelayan Sungai Rambai



“Apabila siap kelak, pelancong khususnya dari Johor tidak perlu pergi jauh ke Umbai atau Bandar Melaka untuk menikmati ikan bakar kerana ia ada di Sungai Rambai”

Abu Pit
Ahli Dewan Undangan Negeri
Sungai Rambai

FAKTA NOMBOR

Pembangunan Sungai Rambai



RM30,000

Balai nelayan

RM100,000

Membina batu sangkar

RM100,000

Pembinaan jeti konkrit

RM70,000

Kos 12 lot pusat pendaratan ikan

Pelaksanaan projek pembangunan menerusi fasa pertama mampu naik taraf kehidupan penduduk

Oleh Amir Mamat

JASIN: Nelayan di Sungai Rambai yang sebelum ini hidup tidak ubah seperti 'melukat di tepi gantang' bakal dimajukan selaras pelaksanaan pembangunan Sungai Rambai Baru Fasa Pertama ketika ini.

Perancangan yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi itu turut memabitkan semua kawasan banjir seperti yang pernah berlaku sebelum ini.

Lebih RM45 juta diperuntukkan bagi tujuan berkenaan yang disalurkan menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Rambai, Datuk Abu Pit, berkata pelaksanaan perancangan itu bakal merubah Sungai Rambai kepada pekan yang maju dan membangun menjelang 2010.

Untuk tujuan berkenaan, beliau berkata, nelayan yang dianggap sebagai golongan kelas tiga sebelum ini bakal berubah apabila beberapa projek pembangunan dirancang di pusat nelayan di Pengkalan Lambak, di sini.

Abu berkata, limpahan pembangunan yang dirancang itu sekali gus dapat menjana ekonomi golongan berkenaan.

“Selepas menerima balai nelayan baru berharga RM30,000, Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Sungai Rambai akan membina batu sangkar bagi menahan hakisan tanah yang boleh mencetekkan kualiti.”

“Projek yang berharga RM100,000 akan dibina serentak dengan pembinaan jeti konkrit di pangkalan berkenaan bernilai RM100,000.

“Turut dibina kelak ialah bilik air, tandas, pusat pendaratan ikan serta bilik sejuk beku,” katanya kepada Sentral.

Abu berkata, pusat pendaratan ikan

yang menyamai pasar terbuka itu akan dibina sebanyak 12 lot dengan kos kira-kira RM70,000 hasil kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pejabat Daerah Jasin.

Katanya, bagi membangunkan lagi kawasan itu, pihaknya bercadang membina medan ikan bakar kerana pangkalan berkenaan mempunyai kawasan yang cukup strategik.

“Saya akan meminta pihak swasta membina medan ikan bakar itu supaya segala proses pembangunan berjalan lancar.

“Apabila siap kelak, pelancong khususnya dari Johor tidak perlu pergi jauh ke Umbai atau Bandar Melaka untuk menikmati ikan bakar kerana ia ada di Sungai Rambai,” katanya.

Sementara itu, Abu berkata, pihaknya sudah mengemukakan permohonan berjumlah RM6 juta kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid bagi memasang batu sang-

kar di tebing Sungai Kesang di Taman Rekreasi Sungai Rambai.


Katanya, usaha itu adalah strategi bagi menghalang banjir daripada berulang di kawasan terbabit kerana sebelum ini sungai berkenaan dikatakan tidak mampu menampung air sehingga menyebabkan ia melimpah ke daratan.

Selain membina batu sangkar itu, Abu berkata, pihaknya juga memerlukan RM10 juta untuk kerja-kerja mendalam serta mengindahkan sungai, manakala projek tebatan banjir dari Kampung Lanchang ke Parit Penghulu sejauh enam kilometer juga memerlukan kos RM10 juta.

“Kita sudah memohon sejumlah peruntukan daripada JKR untuk meningkatkan jalan yang pernah ditenggelami air sejauh enam kilometer di Sungai Rambai. Sekiranya banjir berlaku, jalan berkenaan akan sentiasa boleh digunakan berbanding kejadian sebelum ini,” katanya.



TENGCELAM: Keadaan banjir yang dikatakan berpunca daripada keadaan Sungai Kesang yang cetek akan dibaik pulih menjelang 2010.



KEMUDAHAN: Balai Nelayan Pengkalan Lambak menjulang imej nelayan di Sungai Rambai ke tahap lebih tinggi.